

SPEKTRUM@PSN

Edisi April 2014

Apa yang menarik bulan ini?

- Usaha Mempromosi Bidang Sains dan Kejuruteraan di Malaysia melalui Penganjuran KLESF 2014... 1
- Pihak Media Bantu Promosi *Science of Fear* dalam Rancangan TV... 2
- Khabar dari PSN Cawangan Utara... 2
- Sana-sini PSN... 3
- Info Sains... 3
- Program Menarik Akan Datang... 4
- Judul Buku Untuk Bulan Ini... 4
- Jom Kenali Bahan Pameran... 4

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

**Pusat Sains Negara,
Kem. Sains, Teknologi dan
Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Bukit Kiara
Kuala Lumpur
Tel: 03-20893400
Faks: 03-20893401
www.psn.gov.my
www.facebook.com/PusatSainsNegara**



USAHA MEMPROMOSI BIDANG SAINS DAN KEJURUTERAAN DI MALAYSIA MELALUI PENGANJURAN KLESF 2014

Dalam usaha menanam minat dalam bidang sains dan kejuruteraan, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), *ASEAN Academy of Engineering and Technology* (AAET), *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT), *Institution of Engineers Malaysia* (IEM) dan Pusat Sains Negara telah bekerjasama dalam menganjurkan *Kuala Lumpur Engineering Science Fair* (KLESF 2014) pada 25 hingga 27 April 2014 bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YB. Datuk Seri Haji Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II pada 26 April 2014.

Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk menjana minat para pelajar dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik serta memberi pendedahan untuk kerjaya masa depan dalam bidang ini. Di samping itu, sasaran KLESF 2014 adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya bidang ini dalam sosio-ekonomi serta pembangunan masyarakat.

Penganjuran KLESF 2014 telah melibatkan penyertaan daripada pelajar sekolah, pelajar universiti dan kolej, pihak industri swasta, pensyarah, guru serta masyarakat umum. Pelbagai aktiviti telah disediakan antaranya bengkel, seminar, aktiviti *hands-on*, pertandingan, permainan komputer, persembahan sains serta *booth* pameran. Selain itu, turut diadakan sesi cabutan bertuah kepada para peserta serta pengunjung sebagai salah satu daya tarikan dalam penganjuran program kali ini.



PIHAK MEDIA BANTU PROMOSI *SCIENCE OF FEAR* DALAM RANCANGAN TV

Bersempena dengan berlangsungnya pameran bertema *Science of Fear* di Pusat Sains Negara, ramai penerbit rancangan televisyen telah tertarik untuk mempromosikan pameran tersebut di dalam rancangan utama antaranya Wanita Hari Ini (TV3) yang telah mengadakan temubual di PSN pada 2 April 2014. Selain itu, rancangan berbahasa Inggeris di TV2 iaitu *Hello On 2* telah menemui wakil dari PSN mengenai pameran tersebut pada 16 April 2014 serta rancangan Selamat Pagi 1Malaysia telah hadir ke lokasi pameran pada 19 April 2014.



Temubual dalam rancangan Wanita Hari Ini (TV3)



Temubual dalam rancangan Hello On 2 (TV2)



Temubual dalam rancangan Selamat Pagi 1Malaysia (TV1)

KHABAR DARI PSN CAWANGAN UTARA



PROGRAM ORIENTASI BESTARI DAPAT SAMBUTAN PIHAK SEKOLAH

Program Orientasi Bestari yang direka khas bagi pelajar sekolah rendah dan menengah menyaksikan tempahan yang paling laris di awal penggal setiap tahun bagi PSN Cawangan Wilayah Utara. Program yang dibuka untuk tempahan mulai bulan Januari hingga April 2014, pada setiap hari Ahad hingga Khamis ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Pendekatan “one to one” yang digunakan dapat menarik pelajar untuk mempelajari konsep STI secara bersemuka sambil dibimbing oleh *Science Crew* yang terlatih. Dengan menggabungkan empat aktiviti dalam satu modul iaitu *Ice Breaking*, *Science Exploration*, *Outdoor Science* dan *Science Show*, program ini menjanjikan percambahan maklumat mengenai STI dan pastinya memberi pengalaman yang menyeronokkan bagi setiap pelajar.

Dalam pada itu, bulan April yang merupakan bulan terakhir bagi program ini dibuka untuk tempahan telah mencatatkan sebanyak 18 tempahan. Secara keseluruhannya, program ini telah melibatkan penyertaan seramai 801 pelajar sepanjang Januari hingga April 2014.



SANA-SINI PSN...

Program 'Earth Day'

21 April 2014

Institut Pendidikan Guru
Lembah Pantai, Kuala Lumpur



Majlis Penyerahan Cek Sumbangan sempena *PSN Charity Walk 2013*

10 April 2014

Pusat Sains Negara,
Kuala Lumpur

Program MISTI (*Outreach*)

15-21 April 2014

Johor Bahru,
Johor



INFO SAINS



Tahukah anda?

Perasaan takut yang kita alami sebenarnya dikawal oleh salah satu bahagian di dalam otak manusia yang dikenali sebagai Amigdala.



PROGRAM MENARIK AKAN DATANG...

❖ Pameran '1001 Inventions'

31 Ogos 2013 – 31 Mei 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

❖ Special Science Day 2014

20 – 22 Mei 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

❖ Pameran 'Science of fear'

30 Disember 2013 – 22 Mei 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

❖ Science Kids 2014

29 September – 3 Oktober 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

Jom Kenali Bahan Pameran



Nama: Plasma

Lokasi: Wonderspark

Fungsi: Bahan pameran ini merupakan satu bekas kaca berbentuk sfera yang dipenuhi dengan gas nadir dan molekul bertenaga dengan kekerapan sumber kuasa yang tinggi menghasilkan pengaliran dan perubahan pada pelepasan plasma. Dengan menyentuhnya, pelawat boleh menarik plasma kepada satu titik hubungan pada mana-mana permukaan bahan pameran ini.




JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI

HOW TO BE AN AMAZING TEACHER

Penulis: Caroline Bentley-Davies

Penerbit: Crown House Publishing Ltd.
(2010)



Buku ini menerangkan tips, tektik serta teknik untuk menjadi seorang guru yang cemerlang. Selain itu, turut diterangkan rahsia bahasa badan, keterampilan dan karisma menjadi seorang guru berdedikasi serta mendedahkan cara untuk mencungkil bakat terpendam seseorang pelajar melalui teknik pembelajaran yang inovatif.